

1.0 PENGENALAN

Unit Perunding Kecekapan Tenaga Elektrik ~ bersama Unit Perunding Inspektorat & Keselamatan Elektrik (sebagai urusetia) telah menjalankan satu kajian penilaian pemasangan elektrik selepas premis diduduki di Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Sembilan Darul Khusus pada 8 Julai 2020.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mendapatkan keperluan sebenar pelanggan dalam penggunaan elektrik berbanding rekabentuk asal yang telah dibuat. Ini bagi mengelakkan isu terlebih atau terkurang dalam penyediaan keperluan elektrik.

Berikut adalah beberapa perkara utama yang dianalisa dan dibincangkan di dalam laporan kajian ini, iaitu:


- i. Permintaan kehendak maksima (MD) secara keseluruhan
- ii. Kadaran Arus (Amp) sebenar berbanding Suis Gear Masukan
- iii. Analisa bil elektrik

2.0 SENARAI PERALATAN

Peralatan-peralatan yang digunakan semasa kajian adalah seperti berikut:

①


- a) **Power Logger** – Merekod bacaan jumlah penggunaan kuasa dan tenaga sistem lampu dan soket di papan suis utama. **Gambar 2A** menunjukkan *power logger* yang digunakan.



Gambar 2A: *Power Logger*

2

- b) **Clamp Meter** – Mengambil bacaan arus elektrik (Amp) di papan agihan elektrik bagi peralatan lampu dan soket yang menghasilkan arus malar. **Gambar 2B** menunjukkan *clamp meter* yang digunakan.



Gambar 2B: Clamp Meter

3

- c) **Lux Meter** – Mengambil bacaan tahap pencahayaan (*lux level*) di dalam bangunan. **Gambar 2C** menunjukkan *lux meter* yang digunakan.



Gambar 2C: Lux Meter

3.0 ANALISA SEJARAH BIL TENAGA ELEKTRIK (PENGUNAAN TENAGA)

Berikut adalah analisis bil elektrik berdasarkan maklumat bil elektrik dari bulan Januari 2019 sehingga Jun 2020.

- i. Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Sembilan Darul Khusus dikenakan dengan tarif B di mana penggunaan tenaga (kWj) dicaj di dalam bil elektrik bulanan. Caj tarif TNB per kWj bagi penggunaan tenaga elektrik yang dikenakan adalah sebanyak RM 0.435 per kWj bagi 200 kWj pertama manakala caj bagi penggunaan selepas 200 kWj adalah sebanyak RM 0.509 per kWj.
- ii. Terdapat Caj Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) dikenakan pada Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Sembilan Darul Khusus. Ini kerana berkuatkuasa 1 Disember 2011, TNB telah mengenakan 1% levi ke atas jumlah kos bil pengguna.